

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26 April 2017**

**SOALAN**

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bilangan kes penderaan seksual terhadap kanak-kanak bagi tempoh 2010 hingga 2017 terkini termasuk kes rogol, sumbang mahram, cabul kehormatan dan seks luar tabii membabitkan mangsa di bawah umur 18 tahun.

## **JAWAPAN**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan kes penderaan seksual ke atas kanak-kanak yang merupakan aset penting yang bakal mencorakkan masa hadapan negara. Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes penderaan seksual kanak-kanak mengikut jenis kes yang membabitkan mangsa di bawah umur 18 tahun bagi tempoh 2010 sehingga 2016 yang dilaporkan kepada PDRM adalah seperti berikut, kes rogol adalah sebanyak 12,805 kes, sumbang mahram adalah sebanyak 1,684 kes, luar tabii adalah sebanyak 1,050 kes dan cabul adalah sebanyak 5,705 kes. Daripada statistik tersebut, bagi tempoh enam tahun, kes rogol telah mencatatkan kategori kes paling tinggi berlaku terhadap kanak-kanak yang dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tempoh 2010 sehingga 2016.

